

No. Soalan: 20  
PR-1331-L67013

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BAGI JAWAB LISAN**  
**DEWAN RAKYAT MALAYSIA**

**PERTANYAAN : JAWAB LISAN**

**DARIPADA : TUAN MOHAMED AZMIN BIN ALI**  
**[ GOMBAK ]**

**TARIKH : 6 APRIL 2015**

**SOALAN :** Tuan Mohamed Azmin Bin Ali [ Gombak ]  
minta **MENTERI LUAR NEGERI** menyatakan  
apakah komitmen Malaysia terhadap Artikel 14  
Piagam ASEAN yang menuntut komitmen negara-  
negara anggota terhadap agenda Hak Asasi  
Manusia.

## **JAWAPAN**

Tuan Yang di-Pertua,

Saya ingin mengucapkan terima kasih kepada Yang Berhormat Gombak atas soalan yang dikemukakan.

2. Untuk makluman Dewan yang mulia ini, sebagai salah sebuah Negara pengasas ASEAN, Malaysia sangat komited dalam merealisasikan agenda yang terkandung di bawah Artikel 14 Piagam ASEAN (2007), iaitu mengenai penubuhan satu badan hak asasi manusia ASEAN dalam usaha untuk menggalakkan dan melindungi hak asasi manusia di rantau ini.
3. Ini terbukti dengan komitmen, bukan sahaja Malaysia tetapi semua Negara Anggota ASEAN, dengan tertubuhnya Suruhanjaya Antara Kerajaan ASEAN Mengenai Hak Asasi Manusia, dengan izin, *ASEAN Intergovernmental Commission on Human Rights* – AICHR pada tahun 2009.
4. AICHR kini merupakan sebahagian komponen penting dalam usaha pembinaan Komuniti ASEAN. Kejayaan AICHR dalam merangka dan memperkuat beberapa dokumen penting iaitu Pelan Kerja Lima Tahun AICHR (2010-2015) pada tahun 2010; Pengisytiharan Hak Asasi Manusia, dengan izin, *ASEAN Human Rights Declaration* - AHRD; dan Kenyataan Phnom Penh terhadap perakuan AHRD pada 2012, telah

membuktikan komitmen Malaysia untuk berganding bahu bersama Negara Anggota ASEAN yang lain dalam membangunkan kerangka kerjasama serantau berkaitan hak asasi manusia di rantau ini.

5. Pengisytiharan AHRD adalah signifikan kerana ia melambangkan kesepakatan ASEAN ke arah mencari penyelesaian pragmatik dalam hubungan di antara negara dan rakyat berdasarkan prinsip utama iaitu hak dan tanggungjawab dengan mengambilkira keunikan, dengan izin, *peculiarities* serta kepelbagaian sejarah dan budaya sesebuah Negara Anggota ASEAN.
6. Sempena Kepengerusian ASEAN oleh Malaysia pada tahun 2015, Malaysia juga merupakan Pengerusi bagi AICHR. Dalam menggalas tanggungjawab tersebut, Malaysia memainkan peranan penting dalam mengemudi AICHR untuk memuktamadkan Pelan Kerja Lima Tahun kedua AICHR bagi tempoh 2016-2020 dan Laporan Tahunan AICHR tahun 2015 serta mengenal pasti Program dan Aktiviti AICHR bagi tahun 2016.
7. Selain itu, di peringkat nasional, Malaysia telah membangun dan melancarkan laman web AICHR-Malaysia untuk mempromosikan peranannya serta menyebarluas dan mengarusperdanakan AHRD di kalangan masyarakat. Selain itu, Malaysia juga merancang program-program seranta dengan pihak berkepentingan khususnya persatuan belia dan institusi pendidikan tempatan dalam usaha menyebarluaskan

kesedaran tentang AHRD dan isu-isu berkaitan hak asasi manusia di ASEAN.

Sekian, terima kasih.